

**KAJIAN URUF SEBAGAI JUSTIFIKASI PENERIMAAN DALAM TANAH ADAT- SATU  
ANALISA FIQH**

***A STUDY OF URUF AS ACCEPTANCE JUSTIFICATION IN CUSTOMARY LAND: A FIQH  
ANALYSIS***

*Yasmin Hanani Mohd Safian<sup>1</sup>, Abdul Manan Ismail, Zahari Mahad Musa, Muhammad Nizam, Awang,  
Ahmad Zaki Salleh, Irwan Mohd Subri, Syed Salim Syed Shamsuddin, Lukmanul Hakim Hj Hanafi,  
Siti Nor Hafidza Razali*

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

**Abstrak**

*Islam telah menetapkan kaedah tertentu dalam pembahagian harta warisan termasuklah tanah adat. Dalam pada itu, budaya setempat mempunyai kaedah tersendiri dalam isu pemberian tanah adat yang berbeza dengan kaedah faraid. Kajian ini akan mengkaji sejauh mana budaya setempat atau uruf ini boleh diterima pakai dalam isu pembahagian tanah adat khususnya di Negeri Sembilan. Dalam masa yang sama, kajian ini akan membincangkan syarat-syarat penerimaan uruf dalam pemberian harta pusaka berdasarkan nas al-Quran, Hadis dan pandangan ulama fikah serta dapatan temuramah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif deskriptif yang menggunakan kaedah analisa dokumen dan temubual berstruktur separa. Hasil kajian ini merumuskan bahawa perwarisan tanah adat adalah suatu praktis yang telah diamalkan sejak zaman berzaman di Negeri Sembilan mengikut adat Minangkabau tetapi perlu diselarakan dengan hukum syarak. Selain itu, pemberian tanah adat ini tidak bersifat mutlak, tetapi berdasarkan konsep pemegang amanah yang menyatakan bahawa wanita menjaga amanah tanah adat suku masing-masing. Kajian ini sangat signifikan dalam menyelesaikan isu pewarisan tanah adat untuk menentukan sama ada praktis pemberian tanah adat adalah bertepatan atau bersalahan dengan hukum syarak.*

**Kata kunci:** Tanah adat, harta, pembahagian, syarak, uruf.

**Abstract**

*Islam has set certain rules in the distribution of inheritance including customary land. In the meantime, local culture has its own distinctive approach to the issue of customary land different from the faraid method. This study examines the extent to which this local culture or uruf can be adopted in the issue of customary land distribution, especially in Negeri Sembilan. At the same time, this study discusses the terms of the acceptance of uruf in the granting of the estate based on the Quranic texts, Hadiths, the views of the scholars and the findings of interviews. This study is a descriptive qualitative study that applies the method of document analysis and semi-structured interviews. The findings conclude that customary land inheritance is a practice that has been practiced since ancient times in Negeri Sembilan succeeding to adat Minangkabau but needs to be in line with Islamic law. In addition, the granting of this customary land is not absolute, but based on the concept of a trustee stating that women are guarding the trust of their respective tribal lands. This study is very significant in resolving the issue of customary land inheritance to determine whether the practice of granting customary land is in line or in contravention of Islamic law.*

**Keywords:** customary land, property, distribution, Islamic Law, uruf

---

<sup>1</sup> E-mel: yasmin@usim.edu.my



## PENDAHULUAN

Tanah adat merupakan salah satu cabang daripada Adat Perpatih. Tanah ini merupakan tanah warisan turun-temurun yang diwarisi mengikut sistem sanak ibu ataupun lebih dikenali sebagai sistem matrilineal. Tanah adat merupakan harta yang menjadi simbol sesuatu masyarakat etnik Negeri Sembilan yang masih dipertahankan. Pada kebiasannya, suku suami tidak mendapat apa-apa faedah atau keuntungan daripada sesebuah perkahwinan sebaliknya faedah dan manfaat tersebut dinikmati oleh suku isteri. Namun demikian, kenyataan tersebut hanyalah dapat disahkan apabila kita meneliti dan memahami secara tepat mengenai pembahagian harta dalam Adat Perpatih yang boleh dikategorikan kepada empat jenis iaitu harta pusaka, harta pembawa, harta dapatan dan harta carian atau suarang (Mat Zain et.al, 2012). Fokus kajian pematuhan Syariah berdasarkan konsep *uruf* terhadap perlaksanaan harta warisan di Negeri Sembilan ini adalah tertumpu kepada kategori harta pusaka iaitu tanah adat.

Secara umumnya, kajian berkenaan Undang-undang Tanah Adat di Negeri Sembilan telah dibincangkan oleh para pengkaji, ia termasuklah aspek pematuhan Syariah undang-undang tersebut. Terdapat beberapa pandangan yang telah diberikan oleh para pengkaji dalam perkara tersebut, antaranya dapat dizahirkan melalui sorotan literatur sebagaimana berikut. Sebahagian pengkaji seperti (Mat Zain et.al, 2012) menganggap tanah adat dalam Adat Perpatih ini adalah warisan yang dipusakai dan bercanggah dengan ajaran syarak. Manakala berdasarkan dapatan beberapa kajian lain seperti Kassim (1998) dan Azima (2013) serta berdasarkan perbincangan ringkas bersama-sama dengan pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) (2015), tanah adat sebenarnya selari dengan syarak kerana ia berbentuk pegangan amanah terhadap harta suku tersebut dan ia juga adalah sebahagian wakaf dan terkecuali daripada hukum faraid.

Namun demikian, penjelasan terhadap konsep pemegang amanah terhadap harta tersebut masih lagi kabur sama ada ia akan dimiliki oleh pemegang amanah tersebut ataupun hanya bertindak sebagai pemegang amanah yang perlu mengagihkan harta tersebut kepada yang berhak, kedua-dua keadaan ini mempunyai implikasi hukum yang berbeza.

Terdapat juga pandangan yang menyatakan konsep *uruf* boleh diterima pakai dalam konsep pewarisan tanah adat yang diamalkan di Negeri Sembilan. *Uruf* ialah salah satu cabang sumber hukum syarak yang boleh diterima pakai. *Uruf* mengambil kira adat kebiasaan setempat dalam pembinaan hukum syarak. Persoalannya, sejauh manakah keabsahan penggunaan konsep *uruf* untuk menjustifikasi pembahagian tanah adat ini? Oleh itu, kajian ini akan mengkaji sejauh mana budaya setempat atau *uruf* ini boleh diterima pakai dalam isu pembahagian tanah adat dengan menggunakan metod kajian kualitatif deskriptif yang mengguna pakai kaedah analisa dokumen dan temubual berstruktur separa. Perbincangan dalam kertas ini akan memfokus kepada definisi, hukum, pembahagian dan syarat penggunaan *uruf* sebagai sumber hukum.

## URUF SEBAGAI SUMBER HUKUM

Sekali pun *uruf* tidak dikategorikan sebagai sumber hukum yang disepakati, namun ulama Hanafiah, Malikiyah dan Shafiiyah menerima *uruf* sebagai salah satu sumber hukum selama mana *uruf* menepati syarat penggunaan yang ditetapkan syarak (Khin, 2000). Abu Zahrah (1997) juga menegaskan bahawa



Hanafiah dan Malikiyah berpegang dengan *uruf* pada permasalahan yang tidak mempunyai dalil secara jelas daripada al-Quran dan Sunnah. *Uruf* adalah hasil penerimaan masyarakat setempat yang diwarisi dan dipindahkan kepada generasi seterusnya. Imam Shafii sendiri menerima *uruf* sebagai asas pembinaan hukum seperti penentuan *al-hirz* (tempat simpanan yang sepatutnya) dalam jenayah mencuri. Ulama mazhab Maliki sebagai contoh, menerima *uruf* sebagai asas untuk mewajibkan hukum penyusunan (*radha'ah*) ke atas isteri daripada perempuan yang berstatus rendah tetapi tidak wajib atas perempuan yang mulia. Begitu juga dengan isu pembahagian keuntungan dalam *mudharabah* atau *muqaradhah* (Khin, 2000). Ulama telah menetapkan beberapa syarat penerimaan *uruf* sebagai asas pengambilan hukum. Mereka menyatakan hukum tersebut perlulah suatu kebiasaan dalam aktiviti masyarakat dan tiada percanggahan pada amalan tersebut. *Uruf* juga berlaku secara berterusan dan berulang-ulang. *Uruf* bermakna adat kebiasaan dan perkataan Arab ini diambil daripada kata dasar *'arafa* yang bermaksud diketahui. Secara literal, *uruf* bermaksud sesuatu yang diketahui dan berlawanan dengan maksud sesuatu yang tidak diketahui. *Uruf* merujuk kepada adat kebiasaan yang diamalkan sama ada kebiasaan yang baik atau sebaliknya.

Para ulama memberikan takrifan berbeza. Namlah (1999), Juwaini (t.th), Marwazi (1999) menyatakan bahawa *uruf* ialah sesuatu kebiasaan yang diakui oleh kebanyakan manusia, melalui pelbagai ucapan dan kalam mereka, dan aktiviti mereka juga mengikut kebiasaan ini. Di samping itu, kebiasaan ini diamalkan dalam urusan harian (*muamalat*) sesama mereka selama mana tiada yang menafikan kebiasaan ini dan amalan kebiasaan ini tidak terdapat dalil syarak tentangnya.

*Uruf* itu diterima dan diiktiraf oleh segolongan manusia berdasarkan perkataan dan perbuatan mereka. Kelompok manusia ini sentiasa mengamalkan perbuatan ini berkali-kali sehingga *uruf* ini mempengaruhi mereka dan diterima oleh akal pemikiran mereka. *Uruf* juga merujuk kepada perbuatan dan amalan berulang-ulang yang diketahui dan hati manusia berasa tenang dengan pengamalan aktiviti itu (Khin, 2000). Walau bagaimanapun, tidak semua adat kebiasaan boleh diterima sebagai *uruf*, hanya kebiasaan yang diamalkan oleh mereka yang mempunyai kewarasan pemikiran dan mempunyai akhlak yang mulia. Justeru, *uruf* boleh diistilahkan sebagai kebiasaan yang diiktiraf baik oleh akal pemikiran manusia dan diterima pakai dalam aktiviti manusia. Zuhaili (2009) turut bersependapat dalam definisi ini dengan menyatakan *uruf* merujuk kepada adat kebiasaan yang diamalkan dan diiktiraf secara lisan dan perbuatan. Zuhaili turut menambah bahawa bahawa fuqaha turut bersandar kepada *uruf* sebagai sumber pengambilan hukum.

Penerimaan *uruf* sebagai sumber hukum adalah bersandarkan ayat dari surah al-Hajj ayat 78 yang bermaksud:

“Allah tidak mengkehendaki kesusahan pada agama kamu”.

Ayat ini menunjukkan bahawa Allah tidak membebankan manusia dalam perkara agama. Justeru, penggunaan *uruf* yang mengiktiraf adat kebiasaan yang baik adalah bertujuan memudahkan manusia dalam urusan seharian. Dalam pada itu, terdapat hadis Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam yang diriwayatkan oleh Ibn Mas‘ud R.A. bermaksud:

“Apa yang dilihat Muslimin sebagai perkara yang baik, maka (perkara tersebut) di sisi Allah juga adalah baik” (Shatibi, 2008; Ghitabi, t.th; Subki, 1991)

Fuqaha turut menganalisa perbezaan antara terma dan aplikasi *uruf* dan *adat*. Zuhaili (2009) dan Khin (2000) membuat pemerhatian bahawa kebanyakan ulama seperti Nasafi, Ibn Abidin, Rahawi dan Ibn Nujaym tidak membezakan antara *uruf* dan *adat*. *Uruf* dan *adat* kedua-duanya merujuk kepada kebiasaan yang berterusan dalam perbuatan dan perkataan yang diterima oleh akal pemikiran yang sihat. Walau bagaimanapun, Zuhaili menyatakan Ibn Humam dan Bazdawi berpandangan bahawa *uruf* itu lebih umum daripada *adat*; *uruf* mencakupi perbuatan dan perkataan manakala *adat* hanya terhad kepada perbuatan. Terdapat pula sekumpulan ulama menyatakan bahawa *adat* itu lebih umum daripada *uruf* kerana sumber *adat* ialah akal.

Ulama telah membahagikan *uruf* kepada dua bahagian; *uruf* dari segi perbuatan dan *uruf* dari segi perkataan. *Uruf* perkataan ialah apa yang masyhur di kalangan manusia dari segi penggunaan istilah dengan makna khusus yang berbeza dari segi bahasa mengikut tempat. Seperti penggunaan lafaz umum *dirham* yang dijadikan matawang, sedangkan asal penggunaan *dirham* adalah merujuk kepada wang perak. Penggunaan *walad* yang digunakan untuk anak lelaki sedangkan maksud bahasa merujuk kepada anak lelaki dan perempuan. Lafaz daging merujuk kepada daging lembu dan kambing, tanpa merujuk kepada daging ikan. Begitu juga amalan mahar, *uruf* diterima pakai dalam penentuan kadarnya seperti yang disebutkan oleh Subki (1991). Dengan kata lain, *uruf* sangat signifikan dalam pentafsiran terma-terma yang biasa digunakan masyarakat setempat kendatipun terma tersebut mempunyai makna khusus dari segi bahasa. *Uruf* menentukan makna yang biasa digunakan sehinggalah penggunaan terma tersebut boleh menjustifikasi sesuatu amalan (Ghazali, 1993; Suyuti, 1991).

*Uruf* perbuatan merujuk kepada kebiasaan manusia yang membolehkan sesuatu aktiviti seperti jual beli secara *mu'atah* iaitu saling beri memberi tanpa lafaz akad, pembayaran harga dan upah secara ansuran, pembahagian mahar secara tangguh atau segera dan sebagainya. Secara umumnya penggunaan *uruf* adalah berdasarkan masalah yang memudahkan urusan manusia. Antara *uruf* yang diterima ialah amalan kebiasaan di kalangan peniaga yang dikenali dalam kaedah usul fiqh sebagai '*urf al-tujjar*'. Kaedah ini menerima kebiasaan amalan peniaga sebagai syarat yang diterima pakai selama mana tidak bertentangan dengan syarak. Ini termasuklah amalan di kalangan peniaga yang tidak menyatakan secara jelas tentang harga sama ada berbentuk tangguh (*nasi'ah*) atau ansuran. Walaupun tiada pernyataan tersebut, pembeli akan membayar secara tangguh berdasarkan adat kebiasaan yang diamalkan (Ghazi, 2003).

Dalam pada itu, dalam menganalisa kitab Abu Ya'la al-Farra' (1990) ketika membincangkan bahawa *uruf* tidak boleh mengkhususkan sesuatu yang umum, beliau telah menyatakan *uruf* perbuatan ini dibahagikan kepada dua. Pertama *uruf* kebiasaan pada zaman Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam yang menjadi pengkhusus kepada sesuatu perintah kerana *uruf* ini diiktiraf Nabi, maka pengkhusus ialah hadis Nabi bukan *uruf*. Manakala adat kebiasaan *uruf amali* selepas zaman Nabi dan berterusan amalan ini sehingga menjadi kebiasaan dan diterima menjadi *ijmak*. Justeru, *uruf* disepakati tidak boleh menjadi pengkhusus kepada hukum.

Ulama usul fikah turut membahagikan *uruf* kepada dua bahagian; *uruf sahih* (*uruf* yang sah dari sudut syarak) dan *uruf fasid* (*uruf* yang ditolak). *Uruf sahih* ialah kebiasaan yang diamalkan manusia tanpa bertentangan dengan syarak. Dengan kata lain, *uruf* yang diamalkan tidak melanggar peraturan syarak. Berlainan dengan *uruf fasid*, iaitu amalan manusia yang bertentangan dengan syarak seperti amalan riba.

Justeru, ulama bersepatutannya hanya menerima *uruf sahih* sebagai sandaran hukum, manakala *uruf fasid* adalah ditolak. Walau bagaimanapun, penerimaan *uruf* sandaran ini perlulah memenuhi beberapa syarat. Ketetapan inilah yang dipegang oleh ulama Hanafiah dan Malikiyah seperti yang dinyatakan oleh Suyuti (1991) dan Sarakhsi (1993) yang menyatakan bahawa "apa yang disabitkan (benar) oleh *uruf* maka disabitkan dengan *dalil* syarak". *Uruf* tersebut perlulah berterusan dan diiktiraf dalam percakapan, perbuatan dan pemikiran masyarakat yang berakhlak baik dan sempurna pemikiran.

Selain itu, *uruf* yang akan dijadikan sandaran hukum mestilah masih diamalkan dan kekal ketika hukum itu dikeluarkan (Zuhaili, 2009). Syarat ini turut terpakai dalam *uruf lafzi*, iaitu *uruf* perkataan yang mentafsirkan sesuatu hukum berdasarkan pemahaman dan terma yang digunakan pada waktu hukum tersebut dikeluarkan. Hukum tersebut adalah kekal dengan pentafsiran berdasarkan terma yang digunakan ketika itu, sekalipun selepas itu penggunaan terma itu sudah berubah. Seperti terma "*ibn sabil*" dan "*fi sabilillah*" dalam isu asnaf zakat. Syarak hanya menerima penggunaan terma awal ketika lafaz itu diturunkan. *Uruf amali* dari segi perbuatan, seperti dalam kes akad jual beli,

mengambil kira keadaan barang ketika akad. Sebagai contoh, keadaan barang dikira baik sekiranya barang itu adalah baik ketika kontrak berlangsung.

Selain itu, ulama juga mensyaratkan bahawa tiada syarat halangan dari sudut pelaksanaan *uruf*. Sebagai contoh, sekiranya dua pihak bersetuju bahawa kesemua mahar perlu dibayar lebih awal sedangkan *uruf* hanya menetapkan sebahagian sahaja yang dibayar awal, maka *uruf* itu tidak dilaksanakan. Sekiranya mereka tidak bersetuju dengan syarat yang menyalahi *uruf*, maka *uruf* akan terlaksana.

Syarat terpenting dalam menjadikan *uruf* sebagai sandaran hukum ialah *uruf* tersebut tidak boleh bersalahan dengan syarak, iaitu dalil jelas daripada al-Quran dan Sunnah. Zuhaili (2009) membawa contoh *uruf fasid* pada zaman kini, ialah pemberian piala berisi arak ketika pertandingan, pemakaian baju renang yang membuka aurat dan persamaan antara lelaki dan perempuan. Kesemua ini adalah dikategorikan sebagai *uruf fasid* dan ditolak. Walau bagaimanapun, Hanafiah memberikan pengecualian dalam isu *nas 'urfi*. Ini adalah keadaan nas syarak yang dibina atas *uruf* semasa. Sebagai contoh, pengharaman barang ribawi yang diqiaskan kepada barang yang disukat dan ditimbang bagi gandum, barli, tamar dan garam. Apabila kaedah sukatan ini berubah, daripada disukat kepada ditimbang, maka kaedah ditimbang adalah diterima. Kes ini tidak dikira *uruf* yang bersalahan dengan syarak atau dalil yang jelas.

## SEJARAH PERWARISAN TANAH ADAT MINANGKABAU

Sebelum menganalisa aplikasi *uruf* dalam pembahagian tanah adat, penulis akan membicarakan asal-usul sejarah sistem perwarisan Minangkabau yang bertapak di Negeri Sembilan sejak sekian lama. Adat perwarisan tanah adat ini agak sukar untuk dikaji kerana sistem pengamalan praktis ini yang tidak bertulis (Syarifuddin, t.th) dan British yang telah berusaha untuk membuat enakmen bertulis bagi membolehkan sistem pungutan cukai di kawasan tanah adat ini berjalan lancar (Zaki et. al 2010; Kadimi, temuramah individu, Oktober 3, 2015).

Minangkabau adalah nama suatu suku bangsa, nama suatu kebudayaan sebagai hasil karya, cipta, daya dan upaya suku bangsa tersebut. Semenjak berpuluh abad yang lalu, Adat Minangkabau telah dijadikan satu pegangan dalam mengatur kehidupan bermasyarakat yang merangkumi pelbagai aspek. Hal ini jelas sebelum kedatangan Islam ke Minangkabau dan selepas kedatangan Islam pada hujung abad ke-14, masyarakat Minangkabau menerima ajaran Islam dengan mudah dan tidak mengambil tempoh yang lama untuk mengadaptasi ajaran-ajaran Islam dalam kehidupan seharian mereka (Hakimi, 1984).

Tempoh penerimaan masyarakat Minangkabau terhadap Islam yang singkat menampakkan bahawa adat Minangkabau secara umumnya adalah selari dengan prinsip-prinsip Islam yang mana telah menjadikan adat ini menjadi kukuh dan sempurna seperti sebuah rumah yang kukuh dengan adanya sendi. Setelah melalui pelbagai konflik kecil bagi memastikan adat Minangkabau dan prinsip-prinsip Islam selari, maka terciptalah perumpamaan iaitu "*Adat Basandi Syarak, Syarak Basandi Kitabullah*".

Untuk mengetahui ajaran Adat Minangkabau secara terperinci, maka, terdapat empat perkara yang perlu diketahui bagi memahami adat Minangkabau ini:

- (a) Maksud Adat Minangkabau
- (b) Sumber Dasar Ajaran Adat Minangkabau

- (c) Nilai-nilai yang Terkandung dalam Adat Minangkabau
- (d) Tujuan yang hendak dicapai dengan mengetahui dan mengamalkan Adat Minangkabau.

### **i) Maksud Adat Minangkabau**

Berbicara mengenai adat Minangkabau, perlulah mengenal pasti terlebih dahulu tentang *pepatah-petitih*, *bidalan* dan *gurindam* adat Minangkabau kerana pepatah-petitih tersebut merupakan asas kaedah yang menjadi perundangan dan peraturan dalam hidup bermasyarakat seperti ekonomi, sosial budaya, politik, hukum dan keamanan. Pepatah-petitih adat Minangkabau mengandungi maksud yang tidak langsung atau kiasan. Kalimah-kalimah tersebut tidak dapat ditafsirkan dengan logik akal kerana jika ditafsirkan mengikut logik, maka hasilnya pasti akan bertentangan dengan logik itu sendiri dan secara tidak langsung orang yang membaca atau mendengarnya akan membuat kesimpulan bahawa adat Minangkabau itu tidak berasas atau tidak benar.

Terdapat kesulitan dalam memahami adat Minangkabau yang mana adat ini telah diterima oleh nenek moyang, bukanlah suatu pengetahuan yang dikodivikasikan, malah ianya hanya diterima dan diwarisi dari mulut ke mulut. Adat Minangkabau adalah kaedah sosial yang dijadikan pegangan untuk mengatur tata nilai dan struktur masyarakat yang mana boleh membezakan antara manusia dan haiwan. Oleh itu, adat Minangkabau telah menyusun dan mengatur sistem sosial yang sistematik bermula dari perihal yang kecil seperti adab memanggil orang dengan tangan sehinggalah perihal yang lebih luas dalam pergaulan sesama manusia (Hakimi, 1984). Hal ini bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dan keamanan yang akhirnya akan melahirkan keseimbangan dalam pelbagai aspek kehidupan seperti aspek ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Terdapat perbilangan yang mentafsirkan tentang adat Minangkabau iaitu:

*“sawah diagaih bapamatang, ladang dibari basupadan, padang dibari baligundi, rimbo diagiah bajiluang, nak babeso tapuang jo sadah, nak balain aia jo minyak, nak balain kundua jo labu, nak babeso salah jo bana”*

### **ii) Sumber Dasar Ajaran Adat Minangkabau**

Sumber utama agama Islam adalah al-Quran dan Hadis Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam. Bagaimana pula sumber bagi adat Minangkabau? Hal ini terjawab dalam perbidalan yang berbunyi:

*“Panakiak pisau sirawik, ambiak galah batang lintabuang, silodang mambiak kaniru, nan satitiak jadikan lawik, nan sakapa jadikan gunuang, alam takambang jadi guru.”*

Perbidalan ini bermaksud adat Minangkabau dipelajari oleh nenek moyang yang menciptakan adat iaitu *Datuak Perpatiah nan Sebatang* dan *Datuak Katumanggungan* dari alam semulajadi dan persekitaran yang boleh dirasai oleh pancaindera manusia seperti langit, daratan, lautan, batu, api dan sebagainya (Hakimi, 1984). Secara ringkasnya, adat itu dipelajari dari ilmu alam iaitu ketetapan alam yang telah dicipta oleh Pencipta alam ini. Setiap ketetapan alam yang diciptakan Allah adalah suatu perkara yang tetap dan abadi melainkan Allah yang mengubahnya. Inilah yang dimaksudkan bidalan *“tak lakang dek paneh, tak lapuak dek ujan”*. Oleh hal demikian, jika bertanya kepada orang-orang tua



mengenai adat tersebut, pasti mereka akan menjawab dengan menyebut tentang alam semesta dengan segala sifat dan ketentuannya dan inilah yang dimaksudkan dengan “*Adat nan Sebana*” (*Sunnatullah*).

### iii) Nilai-Nilai Yang Terkandung Dalam Adat Minangkabau

Adat Minangkabau sangat mengutamakan hidup berbudi pekerti kerana hilangnya budi yang baik di dalam diri seseorang, maka hilanglah segala-galanya. Nilai-nilai murni yang diajar dalam adat Minangkabau adalah selari dengan nilai-nilai Islam yang disampaikan oleh Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam. Sepertimana pepatah: “*kuat rumah karano sandi, rusak sandi rumah binaso, kuat bangso kerano budi, rusak budi hancuahlah bangso*” (Hakimi, 1984). Dalam membentuk dan membangunkan budi pekerti yang luhur, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam telah diutuskan sebagai contoh tauladan yang terpuji.

### iv) Tujuan Yang Hendak Dicapai Dengan Mengetahui Dan Mengamalkan Adat Minangkabau

Tujuan yang hendak dicapai adalah berdasarkan pepatah berikut :

“*Bumi sanang, padi menjadi kuniang, jaguang maupiah, taranak bakambang biak, anak buah sanang santoso, bapak kayo madeh ba-meh, mamak disambah urang pulo, katapi bagantang urai, katangah bagantang podi*”.

Jelas dari maksud pepatah di atas adalah “*Bumi sanang*” ertinya ketenangan, keamanan dan kestabilan dalam segala aspek. Kestabilan inilah syarat mutlak untuk mencapai pembangunan dalam masyarakat yang mana tidak akan dicapai jika keadaan sesuatu masyarakat tidak aman. “*padi menjadi kuniang, jaguang maupiah, taranak bakambang biak, anak buah sanang santoso, bapak kayo madeh ba-meh, mamak disambah urang pulo, katapi bagantang urai, katangah bagantang podi*” membawa maksud lambang hasil pembangunan yang telah dicapai (Hakimi, 1984).

## KONSEP HARTA DALAM ADAT PERPATIH

Soepomo menyatakan bahawa “Hukum Adat Waris memuat peraturan-peraturan yang mengatur proses meneruskan serta memindahkan barang-barang harta-benda dan barang-barang yang tidak wujud benda (*immateriele goederen*) dari suatu angkatan manusia kepada keturunannya” (Siddik, 1975). Hukum Adat Waris itu meliputi aturan-aturan hukum yang bertalian dengan proses dari abad ke abad, iaitu proses penerusan dan peralihan kekayaan material dan immaterial dari turunan ke turunan. Menurut Siddik (1975), Wirjono Prodjodikoro pula mengatakan warisan itu adalah berkaitan soal apakah dan bagaimanakah pelbagai hak dan kewajiban tentang kekayaan seseorang pada waktu ia meninggal dunia akan beralih kepada orang lain yang masih hidup. Menurut beliau Hukum Adat Waris meliputi norma-norma hukum yang menetapkan harta kekayaan baik yang material mahupun yang bukan material, yang manakah dari seseorang yang dapat diserahkan kepada keturunannya serta sekaligus juga mengatur saat, cara dan proses peralihannya.

Sebagai kesimpulan, dapatlah dikatakan bahawa Hukum Adat Waris adalah kaedah-kaedah hukum yang mengatur pemindahan harta peninggalan seseorang yang mati kepada ahli warisnya. Seperti yang

sedia maklum, Adat Perpatih telah masuk ke Negeri Sembilan apabila perantau Minangkabau daripada pelbagai daerah seperti Luak Lima Puluh Kota, Tanah Datar dan daerah-daerah sekitarnya datang meneroka dan sebagai sebuah masyarakat yang beradat, apabila tiba di Negeri Sembilan, mereka telah menyesuaikan diri dengan penduduk tempatan yang terdiri daripada orang asal di Negeri Sembilan. Maka telah berlaku persemendaan antara kedua-dua pihak. Masyarakat Minangkabau patuh dengan falsafah adat iaitu “*Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung, di mana air disauk di situ ranting patah.*” Oleh hal demikian, terbentuklah di Negeri Sembilan cara hidup bersuku-suku dalam kalangan masyarakat dengan berlandaskan konsep “*adat basandi syarak, syarak basandi Kitabullah*”. Nama-nama suku yang tedapat sekarang ini adalah sempena nama daerah asal mereka daripada Minangkabau iaitu Batu Hamppar, Batu Belang, Paya Kumbuh, Seri Melenggeng, Seri Lemak, Tanah Datar, Mungkal, Tiga Ninik, Tiga Batu, Anak Aceh, Anak Melaka dan Biduanda (Dom, 1979).

Dalam Adat Perpatih, konsep harta boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu harta pusaka, harta carian, harta pembawa dan harta dapatan.

### **i) Harta Pusaka**

Pusaka didefinisikan sebagai benda sama ada rumah, tanah atau barang-barang perhiasan yang diterima daripada ibu bapa atau nenek moyang atau generasi terdahulu daripadanya. Harta ibu bapa atau nenek moyang akan menjadi pusaka apabila diturunkan kepada generasi di bawahnya. Terdapat dua jenis harta pusaka yang dalam Adat Perpatih iaitu Pusaka Benar dan Pusaka Sendiri (Dom, 1979). Pusaka Benar dikenali sebagai harta pusaka suku yang terdiri daripada tanah-tanah kampung, sawah, dusun buah-buahan dan rumah yang terdapat di atas tanah pusaka yang diwarisi ibu. Pewarisan Pusaka Benar ini diberikan kepada anak perempuan sesuku secara turun temurun yang bermula dari ibu kepada anak perempuan seterusnya kepada keturunan perempuan yang berikutnya. Oleh itu, tanah yang menjadi harta pusaka itu didaftarkan di atas nama wanita. Anak lelaki tidak berhak memilikinya tetapi boleh tinggal dan mengusahakan tanah tersebut. Pusaka Sendiri juga sebagai harta pusaka waris yang mana harta ini merupakan harta nenek moyang yang pada asalnya merupakan harta penambahan dalam sesuatu suku. Harta jenis ini merupakan harta benda yang diwarisi oleh anak daripada orang tuanya seperti barang-barang kemas dan lain-lain carian bapa atau pemberian kepada bapa. Harta ini juga tidak terhad kepada wanita sahaja, kaum lelaki dari waris yang sama juga berhak menuntut bahagiannya. Bagi menentukan cara pewarisan ini, muafakat dan persetujuan antara ahli waris penting dalam menentukan penerimaan sesuatu hak (Siddik, 1975; Dom, 1979).

Menurut *Hans Dieter-Evers* yang mengkaji sistem tanah pusaka di Minangkabau, konsep pusaka boleh diklasifikasikan kepada dua jenis, iaitu pusaka tinggi dan pusaka rendah. Harta pusaka tinggi adalah harta yang telah dimiliki oleh lebih dari satu generasi perempuan sementara harta pusaka rendah adalah harta yang belum diperturunkan atau diwariskan lagi tetapi harta tersebut mempunyai potensi untuk menjadi harta pusaka tinggi. Harta ini akan menjadi harta pusaka tinggi setelah ianya diperturunkan kepada anak-anak perempuan. Harta ini termasuklah sama ada harta ayah atau ibu tetapi dengan syarat ia mestilah diwariskan kepada anak perempuan atau saudara perempuan dalam sesuatu suku tersebut mengikut nasab ibu (Selat, 1996). Konsep harta pusaka ini jelas mengikut perbilangan:

*“Terbit pesaka kepada suku*

*Si lelaki menyandang pesaka*

*Si perempuan yang punya pusaka*

*Orang semenda yang membela”*

## **ii) Harta Carian**

Harta ini terbahagi kepada dua jenis berdasarkan sumber atau punca harta itu didapati iaitu Carian Bujang dan Carian Laki Bini. Carian Bujang merupakan harta yang dicari oleh lelaki yang belum berkahwin dan harta ini adalah harta pendapatannya sendiri. Apabila pemilik harta carian bujang ini mati sama ada bujang atau telah berkahwin, harta itu akan kembali ke tangan waris lelaki dan dibahagikan mengikut faraid. Bagi anak-anak gadis yang berkahwin awal, mereka tidak mempunyai pendapatan sendiri. Walau bagaimanapun, apabila ia bercerai atau menjadi janda ia boleh mendapatkan harta carian secara berusaha sendiri dan harta itu boleh dikategorikan sebagai harta carian bujang atau carian janda. Harta Carian Laki Bini merupakan harta yang diperoleh bersama semasa perkahwinan contohnya hasil ladang getah, alat-alat pertanian dan sebagainya.

## **iii) Harta Pembawa**

Harta Pembawa ini adalah harta lelaki yang dibawa oleh suami sewaktu perkahwinan. Jenis-jenis harta yang tergolong dalam harta pembawa ialah harta carian bujang, harta yang dihadiahkan oleh ibu bapa kepada anak lelakinya, hadiah-hadiah dari keluarga kepada anggota lelaki yang sudah bernikah dan harta bahagiannya hasil dari pembahagian harta carian jika ia sudah beristeri sebelum itu. Apabila ia mati, harta tersebut dikembalikan kepada warisnya.

## **iv) Harta Dapatan**

Iaitu harta yang didapati oleh seorang wanita pada waktu perkahwinan. Harta ini terdiri daripada tiga jenis iaitu harta carian bujang atau anak dara, harta yang didapati apabila berlaku perceraian dan harta carian janda. Bila wanita tersebut meninggal dunia, harta dapatan ini jatuh kepada anak perempuannya.

## **SISTEM PERWARISAN TANAH ADAT**

Sistem Adat Perpatih adalah sistem kewarisan kolektif yang mana harta peninggalan atau harta pusaka tidak boleh dibahagikan pemilikannya di antara para ahli waris. Hal ini sesuai dengan sifat kekeluargaan dan Adat Perpatih yang menimbulkan masyarakat yang bersuku. Maka dengan sistem kewarisan yang kolektif tersebut, harta tinggal dalam keluarga atau suku sendiri. Jurai keturunan hanya disusurgalurkan kepada satu pihak yang bersifat matrilineal iaitu seseorang itu disusurgalurkan mengikut sebelah ibu (Siddik, 1994).

Terdapat beberapa pola pewarisan tanah pusaka dalam Adat Perpatih. Mengikut adat atau kelaziman, tanah pusaka itu menjadi milik waris terdekat. Oleh itu, keutamaan diberikan kepada anak perempuan dan cucu perempuan dan selepas itu barulah adik-beradik perempuan dan anak-anak mereka. Sekiranya pemilik tanah pusaka tersebut tidak mempunyai anak perempuan, maka tanah tersebut akan diwarisi oleh ahli-ahli perut yang lain kerana seperti yang telah dijelaskan tanah tersebut adalah milik suku dan seharusnya tanah itu tidak jatuh ke tangan suku yang lain. Struktur masyarakat Adat Perpatih dibahagikan kepada beberapa perkara dasar iaitu:

- Keturunan melalui nasab ibu
- Perwarisan harta pusaka melalui perempuan
- Tempat kediaman selepas kahwin ialah di kawasan ibu isteri
- Ada pertalian istimewa antara pihak anak buah kedim dengan buapak (bapak) kedim

Satu kajian di Rembau mendapati ada lima corak pewarisan tanah pusaka yang diamalkan di daerah tersebut iaitu pewarisan secara terus, pewarisan kepada adik atau kakak atau anak saudara, pewarisan kepada sanak ibu atau anak sanak ibu, pewarisan kepada sanak datuk atau anak sanak datuk dan pewarisan kepada sanak moyang (Siddik, 1994). Pewarisan secara terus bermaksud harta itu diwariskan kepada orang yang sememangnya mempunyai hak utama menerima harta tersebut iaitu anak perempuan, darah daging sendiri. Lazimnya, selain pewarisan secara terus, pola pewarisan yang lain melibatkan dua proses, iaitu proses jual beli atau pembayaran pampasan kepada si pemilik harta pusaka atau tanah itu diberi melalui sistem umpukan. Dalam sistem umpukan ini, tanah itu diwariskan kepada anak sanak ibu atau sanak datuk kerana si pemilik harta yang tidak beranak perempuan telah memelihara pewaris tersebut sejak pewaris itu kecil lagi. Jadi, pewarisan tanah pusaka dalam hal ini telah dibuat berdasarkan kasih sayang. Dalam proses jual beli, si pemilik harta boleh menjual tanah pusaka tersebut dengan syarat jual beli tersebut hanya dalam kalangan suku sahaja.

Di negeri asal Minangkabau, sistem ini dipertahankan sehingga kini khususnya berkaitan harta pusaka dan tugas lelaki adalah memelihara, mengawasi dan sebaiknya menambah harta yang ada sesuai dengan perbilangan adat "*Kalau ketek dipadagang, kalau kurang elok dipaelok*". Perbilangan ini bermaksud kalau kecil diperbesar, kalau kurang elok atau baik diperelokkan atau diperbaiki. Oleh kerana anak-anak perempuan yang menerima harta pusaka, serta bertanggungjawab pula untuk menjaga ibubapa atau suami di masa tua kelak maka jika keluarga itu tiada anak perempuan, mereka akan mengambil anak angkat dengan istiadat berkedim (Siddik, 1994).

#### **APLIKASI URUF DALAM KAJIAN KES TANAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN**

Ramli (2006) dalam membincangkan tentang kedudukan *uruf* Melayu sebagai asas penetapan hukum, telah menyokong pendapat bahawa adat setempat boleh diambil kira dalam penentuan *uruf*. Adat ini perlu mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan mengikut hukum fikah, antaranya tidak berlawanan dengan syarak dan telah diamalkan secara menyeluruh dan meluas oleh masyarakat dan wajib beramal dengannya seperti yang diperuntukkan dalam fikah Maliki dan Hanafi. Penetapan ini juga hendaklah konsisten dengan kaedah-kaedah fikah (*qawaid fiqhiyyah*), terutamanya yang melibatkan hukum cabang (*furu'*). Oleh kerana sistem undang-undang tanah Melayu tidak bertulis sebelum kedatangan Inggeris (Zaki et. al, 2010) ini agak menyukarkan dari segi penentuan keabsahan dari segi hukum syarak. Ini termasuklah perwarisan tanah adat di Negeri Sembilan. Pengetahuan berkaitan tanah adat Melayu adalah terhad, dan kebanyakannya hanya merujuk kepada sejarah, keterangan dan kes undang-undang yang dihasilkan oleh sarjana barat. Azizah Kassim (1988) menyatakan bahawa perwarisan tanah adat di Negeri Sembilan amat menjaga kemaslahatan kaum wanita. Hak berkaitan tanah adat diletakkan sebagai amanah kepada wanita atau waris wanita terdekat, pindah milik tanah jika diperlukan juga terhad kepada saudara sebelah perempuan. Beliau menambah, wanita berperanan sebagai pemegang amanah harta suku. Beliau turut cenderung untuk memilih pendapat Professor Hamka yang melihat bahawa tanah adat adalah sebahagian wakaf dan terkecuali daripada hukum faraid. Walau bagaimanapun, terdapat pendapat yang berpandangan bahawa hukum ini bertentangan dengan hukum syarak dan perlu dihapuskan (Anuwar, 1988; Haji Ismail, 1983; Zaki et. al, 2010).

Terdapat berapa analisa dalam pemakaian *uruf* bagi tanah adat di Negeri Sembilan:

i) Pemakaian *uruf* dan hukum faraid.

Berdasarkan perbincangan sejarah dan susur galur sistem perwarisan tanah adat di Negeri Sembilan, dapatlah disimpulkan bahawa sistem tradisi ini telah berakar umbi yang diterima pakai oleh masyarakat adat Melayu di negeri ini. Budaya tradisi pemberian tanah adat ini diterima pakai secara amalan, percakapan dan diiktiraf oleh masyarakat Muslim. Ini menjadi asas kepada pembinaan hukum *uruf* seperti yang disepakati para ulama. Walau bagaimanapun, haruslah ditegaskan bahawa ulama fikah telah meletakkan syarat penerimaan *uruf*. *Uruf* perlu diamalkan secara berterusan dan diterima oleh masyarakat dan *uruf* yang dipraktikkan tidak boleh bersalahan dengan hukum syarak. Dalam pemberian harta faraid, Islam telah menetapkan kaedah tertentu bahawa harta perlu diberikan kepada *ashab al-furudh* berdasarkan kaedah pemberian yang ditetapkan, anak lelaki akan mendapat dua bahagian lebih daripada anak perempuan. Justeru, sekiranya kita melihat kes pemberian tanah adat berdasarkan prinsip faraid yang wajib diikuti, maka aplikasi *uruf* tidak boleh diterima pakai seperti dapatan kajian sebelum ini yang dinyatakan di atas. Hukum *uruf* tidak boleh diaplikasikan sekiranya tanah yang dimiliki adalah hak milik mutlak pemberi asal dan dipindahkan secara mutlak kepada waris perempuan. Bukti sampel geran yang dinilai dalam kajian ini, mendapati bahawa pemilik tanah (waris perempuan) diiktiraf dari segi undang-undang sebagai pemilik yang sah. Justeru, pemindahan dari si mati kepada waris adalah dikira mutlak.

ii) *Uruf* tanah adat sebagai amanah bukan hak milik mutlak.

Walaupun bagaimanapun, beberapa kajian dan siri temuramah yang dijalankan juga mendapati bahawa sistem pemindahan milik harta tanah adat adalah berkonsepkan pemegang amanah (Kadimi, temuramah individu, Oktober 3, 2015). Pemegang amanah hanya menjaga hak milik suku iaitu tanah adat. Pemindahan harta tidak bersifat mutlak. Apabila berlaku kematian, semua waris lelaki dan perempuan akan bermesyuarat dan bersama-sama akan membuat persetujuan bagi memindahkan amanah ini berdasarkan adat yang diwariskan. Justeru, *uruf* adalah menetapkan tanah adat sebagai amanah yang perlu dijaga di dalam lingkungan suku adat. Walau bagaimanapun, konsep pemegang amanah (*trustee*) ini tidak digambarkan seperti mana konsep pemegang amanah konvensional. Ini boleh diandaikan kerana proses pentadbiran tanah adat ketika zaman British sukar untuk memahami konsep tanah adat ini, dan telah menjadikan tanah adat ini hak milik mutlak penerima warisan. Walaupun begitu, konsep mutlak tanah ini tidak terpakai bagi pemilikan tanah adat, kerana sebarang proses pemindahan hak milik perlu mendapat keizinan Undang Luak. Undang Luak memiliki kuasa bagi menentukan pemindahan tanah adat berlaku di kalangan suku. Oleh itu, adat dan *uruf* ini mengesahkan konsep pemegang amanah yang diamalkan. Dengan ini, konsep pemegang amanah ini menafikan aplikasi hukum faraid kerana harta yang diwarisi bukan hak milik mutlak.

iii) Kaedah faraid adalah berdasarkan persetujuan waris.

Dalam hal ini, kaedah *al-aslu fi al-mirath al-ittifaq* (asal hukum perwarisan adalah persetujuan ahli waris) adalah terpakai. Sekiranya tanah adat dianggap sebagai faraid berdasarkan hak milik mutlak penama seperti yang tercatat dalam geran, adakah pemberian kepada waris perempuan menyalahi hukum faraid? Kajian literatur menunjukkan sebelum pembahagian dibuat, kaum keluarga lelaki dan perempuan akan berbincang dan membuat persetujuan untuk menetapkan pemilikan tanah adat (sama

ada menggunakan konsep hak milik mutlak atau pemegang amanah). Justeru, boleh disimpulkan bahawa semua ahli faraid bersetuju dengan pembahagian, lelaki melepaskan hak warisan dan memberikan bahagian kepada pihak perempuan. Pihak lelaki masih mendapat hak untuk mengerjakan tanah adat dan mengambil keuntungan. Kendatipun sekiranya mengikut hukum faraid yang sebenar, tiada halangan bagi mana-mana ahli waris untuk melepaskan hak dan memberikan kepada ahli yang lain, dengan syarat tidak berlaku secara paksaan.

## KESIMPULAN

Tuntasnya, penyelidikan ini membuat kesimpulan bahawa perwarisan tanah adat adalah suatu praktis yang telah diamalkan sejak zaman berzaman di Negeri Sembilan mengikut adat Minangkabau. Ulama fikah jelas menyatakan bahawa *uruf* yang ingin diaplikasikan tidak boleh bercanggah dengan hukum syarak. Dalam isu pemberian tanah adat di Negeri Sembilan, hukum syarak yang ditetapkan ialah hukum faraid. Walau bagaimanapun, syarak tidak melarang sekiranya ahli faraid yang berhak sama ada lelaki atau perempuan melepaskan hak masing-masing berdasarkan persetujuan bagi memberi laluan kepada *uruf* setempat yang mengutamakan hak wanita. Dari sisi lain pula, kajian juga mendapati bahawa pemberian tanah adat ini tidak bersifat mutlak, tetapi berdasarkan konsep pemegang amanah yang menyatakan wanita menjaga amanah tanah adat suku kaum masing-masing. Justeru, pemberian tanah adat secara faraid adalah tidak timbul kerana tanah ini secara *urufnya* adalah hak milik suku, dan bukan hak milik peribadi secara mutlak.

## BIBLIOGRAFI

- Anuwar, A. (1998) *Sistem Pewarisan Harta Pusaka Di Kalangan Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan: Satu Perspektif Menurut Hukum Faraid*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Persuratan Melayu Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM.
- Azima A. M. (2013). The Minangkabau's Customary Land: The Role of "Orang Semenda" in Malaysia and Indonesia. *Asian Social Science*, Vol. 9 (8).
- Dom, F.M. (1979). *Persoalan Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Persuratan Melayu Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM.
- Farra', A.Y.M.H.M.K. (1990). *Al-'Uddah fi Usul al-Fiqh*. Mubarak, A.A.S (ed). Jamiat al Malkm Muhammad bin Saud.
- Ghazali, A.H. M.M. (1993). *Al-Mustasfa*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ghazi, M.S.A.M.A.B. (2003). *Mausu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ghitabi, A.M.M.A.M.A.H (t.th). *'Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya' Turath al-Arabi.
- Ismail, A.K. (1983). *Sistem Pusaka Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia.
- Juwaini, A.M.A.Y.M. (t.th). *Kitab al-Talkhis fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyah.
- Kassim, A. (1998). Women, Land and Gender Relations in Negeri Sembilan: Some Preliminary Findings, *Southeast Asian Studies*, 26, 132-149.

- Khin, M.S. (2000). *Abhath Haula Usul al-Fiqh al-Islami Tarikhuhu wa Tatawwuruhu*. Dimasyq: Dar al-Kalim al-Tayyib
- Marwazi, M.M.A.J.A. (1999). *Qawati al-Adillah fi al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Mat Zain, M.M., Ahmad, C.M., & Mohd. Kusrin, Z. (2012) Perkahwinan Adat Rembau, Negeri Sembilan, dalam Penulisan C.W.C Parrdan W.H. Mackray. *Jurnal Melayu* , 9, 171-189.
- Namlah, A.K.A.M. (1999). *Al-Muhadhdhab fi ‘Ilm Usul al-Fiqh al-Muqaran*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Ramli, M.A. (2006). Instrumen ‘Urf Dan Adat Melayu Sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa Di Malaysia, *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 253-289.
- Sarakhsi, M. A. A.S. (1993). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Selat, N. (1996). *Pembahagian Harta Pusaka Dalam Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shatibi, I.M.M.L.G. (2008). *Al-I’tisam*. Riyadh: Dar Ibn al-Jawzi.
- Shirazi, A.I.I.A.Y (2003). *Al-Luma’ fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Siddik, A. (1975). *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Subki, T.A.W.T. (1991). *Al-Ashbah wa al-Nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Suyuti, A.R.A.B.J.(1990) *Al-Ashbah wa al-Nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Syarifuddin, A. (t.th). *Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau, Gunung Agung-Jakarta*. Jakarta: Gunung Agung.
- Zaki, P.H. (2010). Malay customary tenure and conflict on implementation of colonial land law in Peninsular Malaysia. *Journal of Law and Conflict Resolution*, 2(2), 33-45.
- Zuhaili, W. (2009). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Fikr.

**Temuramah:**

Kadimi, S. Temuramah individu, Oktober 3, 2015.

**Seminar:**

Hakimi. H.I. (1984). Adat Minangkabau Basandi Syarak, Syarak Basandi Kitabullah Dalam pembangunan Masyarakat Adat, Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan UPM.